



LAPORAN TAHUNAN 2003

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga

Keluarga boleh diibaratkan seperti sebatang pokok, tempat untuk berteduh dan berlindung, cabangnya adalah seperti tali persaudaraan yang terjalin erat. Daun-daunnya pula umpama adik beradik yang saling memerlukan antara satu dengan lain.

PERUTUSAN MENTERI

YB, Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil
Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga

Assalamualaikum w.b.t.

Selamat sejahtera dan salam mesra. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya Laporan Tahunan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga bagi tahun 2003 telah dapat diterbitkan buat tatapan dan rujukan semua. Tahun 2003 ini merupakan tahun ketiga bagi Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) semenjak penubuhannya pada 17 Januari 2001. Walaupun ianya merupakan sebuah Kementerian yang kecil, namun ia mempunyai matlamat yang besar dalam menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, mengintegrasikan perspektif wanita dalam arus perdana serta pembangunan institusi keluarga. Tiga pendekatan KPWK dalam melaksanakan tanggungjawabnya, iaitu melalui perundangan serta polisi Kerajaan, tugas-tugas advokasi dan menjalankan program-program di peringkat akar umbi nyata memberi kesan positif.

Dalam usaha mengintegrasikan pembangunan wanita, pelbagai program dilaksanakan dan disertai oleh KPWK bagi meningkatkan kesedaran serta pendedahan kepada keupayaan wanita, di antaranya ialah Sidang Kemuncak Wanita 2003 yang bertemakan 'Wanita di Tempat Kerja', Dialog Wanita Pertama Mengenai Keamanan sempena Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Mesyuarat Kedua Jawatankuasa ASEAN Mengenai Wanita serta penganjuran program literasi undang-undang dan kepekaan gender.

Bidang teknologi ICT yang membuka ruang kepada dunia tanpa sempadan juga dimanfaatkan sepenuhnya dengan menghasilkan Projek e-Wanita yang bertujuan merapatkan jurang digital antara gender, peningkatan ilmu pengetahuan di samping menjadi salah satu platform bagi menjana pendapatan terutamanya bagi golongan ibu tunggal dan suri rumah. Tidak ketinggalan penglibatan di peringkat antarabangsa di mana KPWK menjalin kerjasama dalam menganjurkan Forum ICT dan Gender yang membincangkan isu ICT dari perspektif gender serta penghasilan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai ICT telah dibawa kepada Sidang Kemuncak *The World Summit on the Information Society* di Switzerland.

Menyentuh mengenai pembangunan wanita, pelbagai aspek yang melibatkan gender perlu diberi perhatian khusus. Usaha untuk memperkenalkan Analisis Bajet Gender yang bertujuan menyediakan bajet kebangsaan yang peka gender telah membuahkan hasil apabila ianya telah dilaksanakan pada bulan Julai 2003 dengan melibatkan empat Kementerian perintis iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Selain pembangunan wanita, tumpuan yang sama rata juga diberikan kepada pengukuhan institusi kekeluargaan. Kempen 'Utamakan Keluarga: Semakin Hari Semakin Sayang' yang diteruskan pada tahun ini Alhamdulillah menampakkan hasil yang memuaskan. Sambutan terhadap program-program kekeluargaan yang dianjurkan oleh KPWK atau secara kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) amat menggalakkan. Bagi tahun 2003 ini satu lagi pakej kekeluargaan yang dinamakan pakej 'SmartStart' khusus untuk pasangan yang mendirikan rumahtangga telah dilancarkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2003. Dalam pada itu, Portal e-Keluarga juga telah dibangunkan sebagai alternatif kepada masyarakat untuk mendapatkan informasi terkini berkaitan pembangunan keluarga.

Selain penekanan terhadap unsur kasih sayang dan nilai murni kekeluargaan, aspek kesihatan reproduktif juga tidak kurang pentingnya dan diberi imej baru dengan penubuhan Klinik Nur Sejahtera dan Pusat Informasi Nur dan Keluarga yang menawarkan rawatan pada kadar harga minimum yang mampu diperolehi oleh semua lapisan masyarakat dan telah mula beroperasi pada September 2003. Bagi tahun ini, Kementerian juga giat menjalankan beberapa kajian berkaitan isu wanita dan keluarga bagi mengumpul data yang bersesuaian untuk digunakan dalam perancangan dasar dan program-programnya.

YB DATO' SERI SHAHRIZAT ABDUL JALIL

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga

Perkongsian bijak dengan pelbagai pihak banyak membantu Kementerian menjalankan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan. Jalinan kerjasama dengan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) di peringkat negeri dan kawasan Parlimen, NGO-NGO wanita dan keluarga serta sektor swasta telah berjaya membawa pelbagai program Kementerian ke peringkat akar umbi dan memanfaatkan masyarakat terutamanya kumpulan sasar Kementerian.

Semoga Laporan Tahunan ini akan menjadi sumber maklumat dan rujukan kepada program dan kegiatan Kementerian, prestasi serta pencapaiannya sepanjang tahun 2003. Insyallah, saya dan seluruh warga Kementerian ini akan terus melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian dan akan sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik demi pembangunan wanita dan keluarga di negara ini.

Salam hormat,



DATO' SERI SHAHRIZAT ABDUL JALIL

PERUTUSAN

YBhg Datin Faizah Mohd Tahir
Ketua Setiausaha



Bismillah hir Rahman nir Rahim

Assalamualaikum wrt. wbt.,

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana Laporan Tahunan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) 2003 telah dapat diterbitkan. Laporan tahunan 2003 ini adalah satu laporan komprehensif yang dapat dijadikan rujukan terhadap kepelbagaian isu membabitkan wanita dan keluarga serta satu imbasan terbaik dalam menterjemahkan kesungguhan Kementerian dalam usaha memperkasa, melindungi dan memastikan peranan dan penglibatan wanita serta keluarga dalam masyarakat dan pembangunan negara.

Pencapaian dan kejayaan pada tahun 2003 ini dapat dilihat di mana KPWK melangkah lebih yakin ke arah pembangunan insani dan masyarakat yang membanggakan. Pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti telah membuktikan komitmen Kementerian dalam usaha memartabatkan wanita, memantapkan institusi keluarga dan sekali gus mengimbangi kesejahteraan sosial masyarakat. Kejayaan demi kejayaan yang terhasil berkat kerja keras dan kerjasama kakitangan KPWK ini merupakan manifestasi satu komitmen yang jitu terhadap merealisasikan visi, misi dan objektif KPWK.

Perlu dinyatakan di sini bahawa kejayaan dan pencapaian ini merupakan salah satu kayu pengukur atau *yardstick* dalam keberkesanan dasar, polisi dan pelaksanaan pelan yang terancang. Ini telah dizahirkan dengan penerimaan dan kelulusan Kerajaan terhadap beberapa saranan tindakan oleh Kementerian ini agar masyarakat dapat menikmati kesan terhadap setiap penambahbaikan yang telah dibuat secara optimum.

Akhir kalam, izinkan saya memetik kata-kata hikmat yang berbunyi, "Sebaik-baik kamu ialah orang yang paling berfaedah kepada orang lain". Semoga Laporan Tahunan 2003 KPWK ini memberi manfaat kepada semua.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, which appears to read 'Faizah Mohd Tahir'.

FAIZAH MOHD TAHIR

■ PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

Dalam tahun 2003, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah mendapat peruntukan sebanyak RM99,050,700 iaitu sebanyak RM90,850,700 bagi Belanja Mengurus dan RM8,200,000 bagi Belanja Pembangunan.

Daripada jumlah Belanja Mengurus yang diluluskan, sebanyak RM25,068,300 adalah untuk Kementerian, RM32,510,200 untuk Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan RM33,272,200 untuk Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Peruntukan Belanja Pembangunan pula sebanyak RM8,200,000 bagi projek-projek pembangunan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM2 juta diperuntukkan kepada Kementerian bagi tujuan pembelian tanah dan kerja-kerja awalan, sebanyak RM5,600,000 diperuntukkan kepada JPW bagi melaksanakan projek Pusat Khidmat Wanita atau Rumah Nur dan untuk penyelidikan Hal Ehwal Wanita. Manakala LPPKN mendapat peruntukan sebanyak RM600,000 sahaja memandangkan peruntukan siling LPPKN dalam RMK8 telah pun habis digunakan. Walau bagaimanapun, Kementerian telah mengagihkan semula peruntukan pembangunan yang diperolehi bagi tahun 2003 mengikut keperluan semasa seperti berikut:

	Projek pembangunan	Peruntukan asal (RM)	Peruntukan setelah diagih semula (RM)
1.	Pusat Khidmat Wanita (Rumah Nur)	4,100,000	1,643,700
2.	Penyelidikan Hal Ehwal Wanita	1,500,000	0
3.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara	600,000	2,970,820
4.	Tanah dan Kerja Awalan	2,000,000	3,585,480
	JUMLAH	8,200,000	8,200,000

Semua projek-projek pembangunan dipantau oleh Kementerian melalui Mesyuarat Jawatankuasa Projek Pembangunan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian pada setiap bulan.



PROJEK PEMBELIAN TANAH DAN KERJA AWALAN

Projek ini mula diwujudkan dalam tahun 2003 bagi pembelian tanah dan kerja-kerja awalan. Ianya diletakkan di bawah Kementerian memandangkan urusan pembelian tanah perlu dikendalikan oleh pihak Kementerian. Tanah yang dibeli hanyalah untuk pembinaan Kompleks Kasih Keluarga di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

PROJEK PUSAT KHIDMAT WANITA (RUMAH NUR)

Projek Pusat Khidmat Wanita atau juga dikenali sebagai Rumah Nur adalah dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Dalam tahun 2003 peruntukan disediakan untuk:

Rumah Nur Perak - RM 500,000
 Rumah Nur Perlis - RM 700,000
 Rumah Nur Selangor - RM 118,700
 Rumah Nur WP Labuan - RM 325,000

JUMLAH - RM 1,643,700

PROJEK DI BAWAH LPPKN

Projek-projek di bawah LPPKN adalah:

1. Pembinaan Kompleks Kasih Keluarga;
2. Kajian Isu Kependudukan dan Kekeluargaan;
3. Pemantapan Pengkomputeran
4. Penyelidikan dan Pembangunan Reproduksi Manusia.

PELAKSANAAN

Walaupun perancangan rapi telah disusun dan usaha-usaha telah dilaksanakan untuk menjayakan projek-projek berkenaan, Kementerian tidak dapat mencapai prestasi perbelanjaan yang baik kerana menghadapi masalah pengambilan tanah. Proses pengambilan tanah memakan masa yang panjang untuk diselesaikan walaupun telah mendapat kerjasama dengan Ketua Pengarah Tanah menyebabkan pembayaran tidak dapat dilakukan mengikut jadual.

PRESTASI PERBELANJAAN TAHUN 2003

Dari segi prestasi perbelanjaan di bawah Belanja Mengurus, Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM89,113,007.47 atau 98% berbanding dengan peruntukan yang diterima sebanyak RM90,850,700.

Prestasi perbelanjaan pembangunan pula adalah sebanyak 51.4% iaitu berbelanja sebanyak RM4,211,857.87 berbanding dengan peruntukan 2003 sebanyak RM8,200,000.

JADUAL 2 : KEDUDUKAN PERJAWATAN KPWK, JPW DAN LPPKN TAHUN 2003

Program latihan Kementerian diteruskan lagi dalam tahun 2003 supaya KPWK dapat mewujudkan kompetensi yang diperlukan untuk mencapai visi dan misi yang ditetapkan. Bahagian ini telah mengaturkan beberapa program latihan untuk anggota KPWK antara lainnya termasuklah *Project Monitoring System (PMS)*, Latihan Teknologi Maklumat (Peringkat asas dan pertengahan, *Microsoft Outlook* dan *Microsoft Excel*) dan Kursus Kecergasan.

PERJAWATAN	KPWK	JPW	LPPKN	JUMLAH
Jawatan JUSA	2	1	-	3
Jawatan Gred 1	2	1	2	5
Jawatan Gred 2	13	14	15	42
Jawatan Gred 3	27	33	51	111
Jawatan Sokongan 1	56	53	530	639
Jawatan Sokongan 2	15	33	559	607
Jumlah Perjawatan	118	135	1,157	1,410
Jumlah Pengisian	75	90	676	841
Jumlah Kekosongan	43	45	481	569

PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

KPWK serta agensi di bawahnya memperolehi peruntukan kewangan yang lebih besar yang berjumlah RM99,050,700.00 pada tahun 2003 iaitu peningkatan sebanyak 16.72 peratus daripada tahun sebelumnya. Jumlah peruntukan mengurus adalah sebanyak RM90,850,700.00 dan peruntukan pembangunan sebanyak RM8,200.00. Ibu Pejabat KPWK mendapat peruntukan mengurus sebanyak RM25,068,300.00, JPW sebanyak RM32,510,200.00 dan LPPKN sebanyak RM33,272,200.00. Dari segi pengagihan peruntukan pembangunan pula, sejumlah RM3,585,480.00 diperuntukkan kepada Kementerian, RM1,643,700.00 diperuntukkan kepada JPW dan RM2,970,820.00 untuk LPPKN. Projek pembangunan yang diselaras dan dipantau oleh KPWK dilaksanakan oleh JPW dan LPPKN. Senarai dan kos projek berkenaan adalah seperti berikut:

PROJEK	KOS (RM)
Rumah Nur Selangor	- 118,700
Rumah Nur Perak	- 500,000
Rumah Nur Perlis	- 700,000
Rumah Nur Labuan	- 325,000
Pembinaan Kompleks Kasih Keluarga	- 870,820
Program Pemantapan Komputer	- 500,000
Kajian Isu Kependudukan dan Kekeluargaan	- 100,000
Penyelidikan dan Pembangunan Reproduksi Manusia	- 1,500.00

Dari segi prestasi perbelanjaan, sejumlah RM89,113,007.47 atau 98 peratus daripada peruntukan perbelanjaan mengurus telah dibelanjakan, manakala perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak RM4,211,857.87 atau 51.4 peratus daripada peruntukan yang disediakan. Prestasi perbelanjaan pembangunan adalah rendah daripada paras purata kebangsaan dan ini antara lainnya disebabkan oleh masalah urusan perjanjian/pembelian Rumah Nur dan pengambilan tanah untuk projek Kompleks Kasih LPPKN. Bagi mengatasi masalah ini KPWK memantau projek pembangunannya dengan rapi melalui mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Projek Pembangunan yang diadakan setiap minggu.

■ PRESTASI TAHUN 2003



PENTADBIRAN AM

Pada tahun 2003, beberapa kerja pengubahsuaian dan pembebasan ruang pejabat KPWK di Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana, Kuala Lumpur telah dilakukan bagi menampung keperluan anggota Kementerian yang bertambah berikutan dari pengukuhan organisasi Kementerian dan pelantikan Setiausaha Parlimen Kementerian yang baru. Lain-lain urusan pentadbiran am telah dapat diperkemaskan dan dipertingkatkan lagi pengurusan ke arah memberi khidmat sokongan yang lebih berkesan kepada Kementerian dalam melaksanakan operasi seharian.

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pada tahun 2003, laman web Kementerian telah dapat dilancarkan oleh YB Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga pada 18 Februari 2003. Melalui laman web ini Kementerian berharap akan dapat menarik lebih ramai pengunjung untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Ruangan yang disediakan seperti e-forum, pendaftaran elektronik dan *chatroom* akan memeriahkan lagi laman web tersebut.

Unit Pengurusan Teknologi Maklumat juga telah membuat kerja-kerja *restructuring* bagi memantapkan lagi aspek keselamatan di samping usaha-usaha menaik taraf bekalan kuasa elektrik ke bilik server untuk menampung keperluan yang semakin bertambah. Selain itu Sistem Pengkalan Data *Gender Disaggregated Information System (GDIS)* telah siap dibangunkan dengan kerjasama sebuah syarikat perunding pada pertengahan tahun. Latihan pengguna dan teknikal telah dijalankan dalam bulan Jun dan Julai untuk memastikan urusan *handover* dan kesinambungan sistem yang licin dan teratur.

Selaras dengan beban tugas teknologi maklumat Kementerian yang semakin meningkat terutamanya bagi memenuhi keperluan dan perancangan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (ISP), Unit ini telah diperkukuh dan dinaikkan taraf menjadi sebuah bahagian penuh iaitu Bahagian Teknologi Maklumat dengan pertambahan beberapa orang pegawai dan kakitangan.

PUSAT SUMBER

Pusat Sumber KPWK mula beroperasi di Kementerian pada bulan Ogos 2002. Koleksi bahan rujukan dan kemudahan Pusat Sumber ini telah dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Pusat Sumber ini adalah merupakan pusat rujukan mengenai data dan maklumat tentang wanita dan keluarga. Pusat Sumber KPWK juga merupakan Pusat Sumber interaktif yang antara lainnya bertujuan menyediakan kemudahan pembelajaran sendiri (*Self Direct Learning*) dan untuk menarik lebih ramai pengguna datang ke pusat sumber bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dan memanfaatkan lain-lain kemudahan yang disediakan.

PERANCANGAN TAHUN 2004

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke Empat (MPFS-4) LPPKN telah menumpukan kepada kerja-kerja awalan bagi melaksanakan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke Empat (MPFS-4) yang akan dilaksanakan pada tahun 2004. Kajian yang dijalankan setiap 10 tahun sekali ini bertujuan mengkaji dan menganalisis data antara generasi berkaitan penduduk dan keluarga Malaysia. Persediaan dan kerja awalan yang telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2003 meliputi bengkel penyediaan soal selidik, siri mesyuarat jawatankuasa teknikal dan tiga mesyuarat jawatankuasa pemandu. Turut dilaksanakan adalah pra-uji kajian di daerah Larut Matang dan Kuala Kangsar, Perak pada 27 Julai hingga 4 Ogos 2003. Tujuan pra-uji ini ialah untuk menilai kesesuaian soal selidik dan juga masalah yang mungkin dihadapi apabila kajian sebenar dilaksanakan pada tahun 2004. Hasil pra-uji telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada 14 Ogos 2003.

Perancangan program dan aktiviti Bahagian Khidmat Pengurusan pada tahun 2004 adalah seperti berikut:

- Pengukuhan struktur organisasi KPWK;
- Penyusunan semula struktur organisasi LPPKN;
- Penyediaan Pelan Latihan KPWK;
- Pengukuhan sistem pentadbiran, pengurusan dan keselamatan;
- Pengurusan program sistem maklumat:-
 - *Call Centre*
 - *Messaging and Collaboration*
 - Pengurusan Dokumen
 - Pengurusan Ilmu
 - Portal NurITA
 - Sistem Urusan Parlimen

■ BAHAGIAN PERANCANGAN DAN DASAR



PENDAHULUAN

Bahagian Perancangan dan Dasar berperanan merangka dasar serta program pembangunan wanita dan keluarga. Hala tuju pembangunan wanita dan keluarga di dalam tempoh pembangunan Rancangan Malaysia Kelapan adalah untuk menyediakan persekitaran yang sesuai dan mekanisme sokongan yang stabil ke arah pelaksanaan program secara lebih berkesan.

OBJEKTIF

Objektif Bahagian Perancangan dan Dasar adalah untuk merangka dasar dan program pembangunan wanita dan keluarga ke arah pencapaian visi dan misi KPWK. Sehubungan itu, Bahagian ini bertanggungjawab sebagai perancang strategik bagi KPWK.

FUNGSI

Bahagian ini melaksanakan kerja-kerja penyelidikan dan perancangan serta mengukuhkan pangkalan data KPWK. Bahagian ini juga bertindak sebagai penyelar program antara JPW dan LPPKN. Secara lebih khusus, fungsi Bahagian ini adalah seperti berikut:

- Penggubalan dasar dan strategi untuk pembangunan wanita dan keluarga;
- Pelaksanaan program penyelidikan wanita dan keluarga;
- Pembangunan pangkalan data gender;
- Penyelarasan perhubungan antarabangsa wanita dan keluarga;
- Memberi khidmat urusetia kepada mesyuarat;
- Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) – sebagai forum untuk mendapatkan input bagi dasar KPWK;
- Majlis Kebangsaan Pembangunan Wanita dan Keluarga;
- Majlis Penasihat Wanita Negara; dan
- Jawatankuasa Penyelarasan Antara Agensi.

PRESTASI TAHUN 2003

Kerajaan telah melaksanakan beberapa program untuk pembangunan wanita dan keluarga bagi tahun 2003. Antaranya ialah pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, Peraturan Imigresen dan pengekalan hak pencen terbitan kepada balu sektor awam yang berkahwin semula.

1) SIDANG KEMUNCIAK WANITA 2003

Sidang Kemuncak Wanita merupakan sebahagian daripada aktiviti sambutan Hari Wanita yang disambut pada setiap tahun. Sidang Kemuncak Wanita 2003 yang bertemakan "Wanita di Tempat Kerja" telah berlangsung pada 25 Ogos 2003 di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.

Sidang Kemuncak ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri. Hampir 1,000 peserta telah mengambil bahagian dalam sidang pleno dan perbincangan meja bulat. Peserta Sidang Kemuncak ini terdiri daripada golongan wanita sektor korporat. Pengerusi Majlis Kebangsaan Pembangunan Wanita dan Keluarga di peringkat negeri dan kawasan parlimen, pemimpin politik wanita termasuk Ahli Dewan Negara/Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri, pengerusi/wakil pertubuhan-pertubuhan wanita yang beribu pejabat di Kuala Lumpur, pegawai-pegawai kanan Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri dan wartawan wanita.

Objektif Sidang Kemuncak 2003 adalah untuk menyediakan forum bagi membincangkan cabaran-cabaran semasa, mendapatkan idea-idea dan bertukar fikiran dalam usaha menyediakan peluang kepada wanita dalam menghadapi globalisasi, era ICT dan dekad akan datang.

Persekitaran kerja yang dinamik, cabaran untuk menseimbangkan antara tanggungjawab di rumah dan di tempat kerja, kesaksamaan di tempat kerja, penjagaan anak, kekurangan wakil wanita di peringkat membuat keputusan, usahawan wanita dan penglibatan wanita dalam bidang ICT telah menjadi fokus perbincangan persidangan ini. Tiga topik iaitu "Rahsia Kecemerlangan Wanita", "Breaking the Glass Ceiling" dan "Apabila Wanita Ternyata Lebih Berkemampuan" telah dikupas dalam sesi sidang pleno. Empat topik iaitu "Persamaan Taraf Secara Profesional: Suatu Hakikat", "Usahawan Wanita: Bakal Mengagumkan Dunia Perniagaan", "Wanita dan Daya Saing Teknologi" dan "Jadilah Aset Penting Sesebuah Organisasi" telah dibincangkan semasa sesi perbincangan meja bulat. Seramai 14 orang pembentang kertas kerja dari kalangan wanita yang berjaya dalam pelbagai bidang dari dalam dan luar negara telah berkongsi pengetahuan dan pengalaman masing-masing.

2) KAJIAN ISU WANITA DAN KELUARGA

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga sedang melaksanakan tiga kajian di bawah Jawatankuasa Penyelidikan Kebangsaan. Kajian tersebut telah dimulakan pada tahun 2002 dan disambung pelaksanaannya pada tahun 2003. Dua daripada kajian tersebut yang dilaksanakan dengan kerjasama juru perunding Akademi Sains Sosial (AKASS), Universiti Sains Malaysia ialah seperti berikut:

(a) Kajian *"A National Study of Family Transformations in the Context of Changing Trends in Women's Work and Life Style in Malaysia"*

Jumlah responden adalah seramai 5,000 wanita berkahwin/pernah berkahwin dengan kaedah persampelan *purposive* dan *cluster*. Kajian peralihan nilai ini adalah bertujuan untuk melihat, menjelaskan serta menganalisis perubahan struktur dan organisasi dalam institusi yang berkaitan dengan keluarga dan komuniti. Peralihan dalam sistem kekeluargaan dan perhubungan, corak perumahan, tahap pendidikan dan pendapatan, perancangan kewangan dan pengurusan, penyertaan dalam institusi politik dan sosial dianalisis untuk melihat bagaimana ke semua faktor di atas mempunyai impak secara langsung atau tidak ke atas polisi berkaitan wanita dan keluarga di Malaysia.

(b) Kajian *"A National Study On Information And Communication Technologies And Gender"*

Kajian ini melibatkan jumlah responden kajian seramai 5,000 pekerja wanita dan lelaki (pakar/pengguna software & hardware IT) dan 79 syarikat swasta dan jabatan Kerajaan di seluruh negara. Kaedah persampelan yang digunakan ialah *purposive* dan *cluster*. Antara tujuan kajian ke atas perhubungan di antara jantina dan teknologi komunikasi maklumat (ICT) ini adalah bagi menilai pencapaian wanita dalam industri serta sejauh mana diskriminasi atau keutamaan gender dalam sesebuah organisasi di Malaysia.

Kedua-dua kajian ini akan siap sepenuhnya pada tahun 2004. Melalui kajian ini, juga pihak juru perunding akan mengenal pasti dan mengemukakan strategi/program/dasar jangka pendek dan jangka panjang bagi memperbaiki kelemahan/masalah yang dikenal pasti.

Satu lagi kajian yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Penyelidikan Kebangsaan ialah Kajian Wanita Luar Bandar dan Ibu Tunggal: Pengenalpastian Masalah dan Cabaran Semasa (WALBIT) dengan kerjasama juru perunding UKM Pakarunding Sdn. Bhd.

Kajian WALBIT telah dimulakan pelaksanaannya oleh KPWK pada tahun 2002 dan akan siap pada tahun 2004. Jumlah responden bagi kajian ini adalah seramai 4,406 wanita di luar bandar iaitu kumpulan petani, buruh, penerokawati dan usahawan desa dan kaedah persampelan yang digunakan adalah *purposive*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah semasa yang dihadapi oleh lima kumpulan sasar tersebut dan punca/faktor masalah tersebut berlaku. Di samping itu kajian ini turut memberi tumpuan bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal luar bandar dan bandar. Bagi membolehkan penduduk luar bandar termasuk ibu tunggal turut sama menjadi peserta kepada pembangunan dan bukannya mangsa kepada pembangunan, kajian ini juga akan mengenal pasti strategi/program/dasar jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah yang telah dikenal pasti.

■ PRESTASI TAHUN 2003



3) ANALISIS BAJET GENDER

Analisis Bajet Gender telah dilaksanakan pada bulan Julai 2003 dengan melibatkan empat kementerian perintis iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Projek ini dikendalikan oleh sebuah kumpulan perunding yang terdiri daripada seorang pakar bajet gender dan analisis, dua orang pakar gender tempatan dan seorang penyelaras. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri berfungsi memantau projek berkenaan.

Objektif utama projek ini adalah untuk menyediakan bajet kebangsaan yang peka gender dan menyediakan pegawai-pegawai di Kementerian-kementerian utama dalam perihwal analisis bajet gender. Pegawai-pegawai ini dilatih untuk menganalisa bajet gender supaya dapat menghasilkan kenyataan bajet yang bermakna. Malaysia telah pun menginstitusikan sistem pembajetan yang berasaskan keputusan dan latihan dari segi analisis gender bagi memastikan aplikasi persamaan gender yang bersesuaian. Projek ini akan dilaksanakan mengikut fasa.

Hasil yang dijangka daripada projek ini ialah sebuah manual latihan dan laporan tentang proses dan format bajet gender. Projek ini dijangka melahirkan lebih ramai lagi pakar gender yang terlatih. Pembangunan kapasiti ini akan turut mempengaruhi masyarakat keseluruhannya.

Satu bengkel Analisis Bajet Gender bertujuan memberikan latihan komprehensif dalam menganalisis bajet pengurusan dan pembangunan kepada pegawai Kementerian perintis telah diadakan pada bulan Januari 2004. Bengkel ini membincangkan pendekatan terbaik yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kepekaan gender di peringkat Kementerian masing-masing. Ini termasuk menyelaras dan mengumpul data mengikut gender, memahami konsep perhubungan antara gender dan pembangunan serta kepentingan data mengikut pecahan gender dalam menggubal sesuatu dasar atau program.

Kumpulan perunding kini akan mengemaskini manual latihan bajet gender berdasarkan maklum balas yang akan diterima daripada peserta bengkel berkenaan. Latihan analisis bajet gender akan diteruskan dari semasa ke semasa dengan kerjasama pihak Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Kementerian Kewangan.

4) BUKU PERANGKAAN WANITA DAN KELUARGA 2003

Buku Perangkaan Wanita dan Keluarga 2003 telah diterbitkan pada bulan Januari 2003. Buku ini adalah sebagai maklumat serta rujukan ringkas kepada pegawai Kementerian, agensi kerajaan yang berkenaan, badan bukan kerajaan serta sektor swasta. Data yang terkandung dalam buku ini meliputi pelbagai data yang berkaitan dengan wanita dan keluarga seperti penduduk Malaysia, guna tenaga, pendidikan, ekonomi, kesihatan, keluarga, politik dan masalah sosial dan petunjuk sosial bagi negara-negara terpilih. Data-data dalam buku ini diperoleh dari agensi Kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Polis Diraja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, pertubuhan profesional dan syarikat swasta. Buku ini telah diedarkan kepada agensi-agensi Kerajaan dan swasta.

5) PROJEK E-WANITA

Projek e-Wanita merupakan projek digital yang diilhamkan oleh Y.B. Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga. Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama oleh Yayasan Kemajuan Sosial Malaysia. Pusat ini bertempat di Bangsar Utama, Kuala Lumpur.

Objektif Projek e-Wanita ialah:

- (a) untuk meningkatkan taraf hidup wanita di samping dapat memanfaatkannya sebagai punca pendapatan sampingan;
- (b) membantu meringankan masalah wanita bekerja yang mungkin menghadapi kesuntukan untuk membahagikan masa antara pejabat dan rumah tangga; dan
- (c) untuk mengurangkan jurang digital dalam masyarakat dan membolehkan wanita, ibu tunggal dan suri rumah menguasai ilmu ICT.

Projek e-Wanita ini menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti membaharui lesen perniagaan, lesen kenderaan, permohonan mikro kredit, pinjaman perumahan dan pinjaman perniagaan. Ia dilakukan melalui kaedah tele-kerja atau *teleworking* yang merujuk kepada kerja yang boleh dijalankan dengan bantuan rangkaian komputer.

Projek ini melibatkan seramai 1,700 orang wanita. Hampir 70 peratus daripada peserta projek *teleworking* di Bangsar merupakan golongan miskin dan sebahagian besar daripadanya adalah ibu tunggal dan suri rumah.

■ PRESTASI TAHUN 2003



Penglibatan wanita dalam guna tenaga telah turut meningkat sejak 1957 dalam semua sektor ekonomi. Secara keseluruhannya, guna tenaga wanita merangkumi 34.7% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2000 berbanding hanya 24.5% pada tahun 1957.

Kemajuan dalam status kesihatan wanita di Malaysia telah menjadi punca utama kemajuan serta penglibatan aktif wanita dalam bidang ekonomi, politik dan pembangunan sosial negara sejak empat dekad yang lalu. Purata jangka hayat wanita meningkat daripada 58.2 tahun pada tahun 1957 kepada 75 tahun pada tahun 2000. Jumlah kematian sewaktu bersalin semakin berkurangan iaitu turun sepuluh kali ganda kepada 0.2 setiap 1,000 kelahiran selepas kemerdekaan. Walau bagaimanapun, kekhuatiran baru yang wujud adalah kesihatan wanita yang berumur, kejadian keganasan rumahtangga, gangguan mental dan peningkatan kes HIV / AIDS.

Kuasa wanita Malaysia dalam membuat keputusan dan pembahagian kuasa dalam bidang kerjaya menunjukkan peningkatan sejak kemerdekaan. Halangan gender telah membawa kepada kemerosotan penglibatan wanita dalam pembahagian kuasa serta kuasa terhad membuat keputusan. Ia termasuk faktor budaya dan keinstitutional, perwakilan gender, etnisiti, budaya politik dan elemen dalam perekrutan dan promosi.

8) DIALOG WANITA PERTAMA MENGENAI KEAMANAN SEMPENA SIDANG KEMUNCIAK KE-13 PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NAM)

Dialog Wanita Pertama Mengenai Keamanan Sempena Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) telah diadakan pada 24 Februari 2003 di Hotel Shangri-La, Putrajaya.

Tema Dialog ini ialah "Melabur Untuk Keamanan (*Invest in Peace*)" sementara objektifnya pula untuk menggembelng pengalaman Wanita Pertama dalam menyuarakan pandangan mengenai usaha membina serta mengekalkan keamanan sejagat.

Dialog ini telah dihadiri oleh 90 orang, termasuk 23 Wanita Pertama, 15 isteri Menteri Luar, 13 anggota Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri (BAKTI), 16 isteri Ketua Perwakilan negara anggota NAM di Malaysia dan 23 wakil pertubuhan bukan kerajaan di Malaysia.

Dalam ucapan beliau, YABhg Dato' Seri Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohd Ali yang menerajui perbincangan dialog telah menyentuh tentang akibat keganasan dan peperangan, khususnya ke atas wanita. Beliau menyarankan bahawa faktor asas di sebalik tercetusnya fenomena berkenaan perlu difahami terlebih dahulu untuk membolehkan langkah penyelesaian yang tepat diambil.

Beliau juga menegaskan bahawa wanita sebagai isteri, pemimpin masyarakat, aktivis, golongan profesional dan pelbagai kapasiti lain mempunyai potensi yang jelas untuk membangunkan budaya keamanan yang berkekalan. Usaha mereka dalam memupuk keamanan boleh dimulakan dalam keluarga masing-masing. Kaum wanita disarankan supaya tegas bersuara menentang peperangan dan menuntut supaya pertelingkahan diselesaikan melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berdasarkan undang-undang antara-bangsa dan bukannya melalui tindakan sesuatu pihak.

Dialog ini berjaya mencapai kata sepakat di kalangan peserta untuk menyeru supaya dipupuk dan dipertahankan keamanan. Antara persetujuan yang dicapai dalam Dialog ini ialah:

(a) Wanita Pertama merayu agar kerajaan-kerajaan mengelakkan sebarang bentuk persengketaan bersenjata dan menumpukan usaha mereka ke arah pembangunan dan pemeliharaan keamanan. Ini termasuk menghapuskan kemiskinan, mempromosi hak ekonomi, sosial dan budaya khusus untuk memantapkan keharmonian serta meningkatkan kualiti hidup manusia sejagat;

(b) sebagai ibu, isteri, pemimpin komuniti, aktivitis dan profesional, Wanita Pertama serta peserta lain Dialog akan berusaha untuk menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi, urus tadbir yang baik serta persefahaman antara budaya, menentukan keadilan dan mendidik anak bagi memupuk sikap percaya-mempercayai, memahami pandangan pihak lain dan menghormati hak serta maruah kemanusiaan;

(c) peserta Dialog menyeru pihak media massa, sekolah, institusi pengajian tinggi serta institusi agama dan sosial untuk mempromosi pendidikan formal dan bukan formal yang dapat memupuk nilai, sikap dan corak perlakuan yang kekal menjurus ke arah keamanan, toleransi, kewujudan bersama dan kesaksamaan gender;

(d) Wanita Pertama dan peserta lain Dialog bersetuju bahawa semua bentuk konflik harus diselesaikan menerusi Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dengan mematuhi Piagamnya yang menekankan penyelesaian secara aman tanpa menggunakan kekerasan serta menghormati undang-undang dan perjanjian antara-bangsa;

(e) mengenai keganasan, Wanita Pertama dan peserta Dialog lainnya menyeru PBB memainkan peranan utama dalam memerangnya dengan mengatasi faktor penyebabnya yang asas seperti ketiadaan toleransi, sifat kebencian, dendam, sifat tamak, putus asa dan penganiayaan yang mana tidak dapat diatasi dengan kekerasan. Sebaliknya kekerasan akan menyemai tindak balas sehingga akhirnya masyarakat akan sentiasa berada dalam keadaan bimbang dan takut;

(f) Wanita Pertama meminta semua kerajaan menunaikan kewajiban mereka berdasarkan konvensyen dan perjanjian antarabangsa yang berkaitan dengan penghapusan semua senjata nuklear dan senjata pemusnah lainnya serta pengharaman periuk api (*landmines*); dan

(g) peserta Dialog bersetuju akan terus menggunakan pengaruh mereka dan wanita lain untuk mempromosikan keamanan.

9) MESYUARAT KEDUA JAWATANKUASA ASEAN MENGENAI WANITA

Malaysia telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa ASEAN Mengenai Wanita atau *ASEAN Committee on Women (ACW)* untuk tahun 2003. Sebagai Pengerusi, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga bertanggungjawab menganjurkan Mesyuarat Kedua ACW. Mesyuarat berkenaan telah diadakan pada 16 hingga 18 September 2003 di Pulau Pinang.

Mesyuarat Kedua ACW dihadiri oleh seramai 46 ahli delegasi yang terdiri daripada wakil ke semua negara anggota ASEAN iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Wakil Sekretariat ASEAN dan *ASEAN Confederation of Women's Organisations (ACWO)* turut serta dalam mesyuarat berkenaan. Delegasi Malaysia diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha, KPWK yang juga selaku Pengerusi Mesyuarat Kedua ACW.

Mesyuarat ACW bertujuan menyediakan platform kepada kaum wanita di rantau ASEAN untuk memainkan peranan penting dan aktif sebagai ejen pembangunan negara dan serantau. Di samping itu, mesyuarat ini dapat menggalakan kerjasama serantau bagi melahirkan masyarakat yang adil serta bebas daripada keganasan atau diskriminasi terhadap wanita. Mesyuarat ini juga dapat mempertingkatkan usaha mengintegrasikan isu gender dalam agenda pembangunan ekonomi dan politik negara serta rantau ASEAN.

Tema mesyuarat pada kali ini ialah 'Keganasan Terhadap Wanita'. Tema ini dipilih memandangkan keganasan terhadap wanita merupakan salah satu isu yang harus diberi perhatian serius oleh negara anggota.

Mesyuarat Kedua ACW telah memutuskan perkara berikut:

(a) Memuktamadkan draf Deklarasi Menghapuskan Keganasan Terhadap Wanita di Rantau ASEAN.

Mesyuarat telah memuktamadkan draf Deklarasi Menghapuskan Keganasan Terhadap Wanita di Rantau ASEAN yang ditaja oleh Malaysia dan bersetuju untuk memperakukan kepada Jawatankuasa Tetap ASEAN supaya draf tersebut ditandatangani oleh Menteri Luar ASEAN ataupun Ketua Negara ASEAN.

(b) Menyediakan Rancangan Kerja Mengenai Pembangunan Wanita dan Kesaksamaan Gender

Mesyuarat bersetuju supaya ACW menyediakan rancangan kerja mengenai pembangunan wanita dan kesaksamaan gender bagi tempoh lima tahun (2005-2010). Rancangan kerja ini akan memberi tumpuan kepada empat bidang keutamaan iaitu:

- Meningkatkan integrasi dan penyertaan wanita dalam proses perancangan dan pembangunan negara;
- Mempertingkatkan perlindungan terhadap wanita;
- Menangani impak globalisasi dan liberalisasi perdagangan serta mempertingkatkan penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi baru; dan
- Mempertingkatkan kapasiti dan kemahiran wanita untuk memasuki pasaran buruh dengan menggiatkan lagi *ASEAN Network for Women in Skills Training*.

